

# **SISTEM E-JANJITEMU**

**MAJLIS DAERAH TUMPAT (MDT)**


---


# **MANUAL PENGGUNA**

# MANUAL PENGGUNA

---

1. Pada paparan "Tetapan Temujanji", akan tertera tarikh untuk tempoh sebulan. Butiran lanjut paparan :

- **Penuh** - Slot temujanji hari tersebut telah penuh dan tidak boleh lagi ditekan
- **Buka** - Slot temujanji hari tersebut masih ada
- **Merah** - Slot temujanji waktu tersebut tidak "available"
- **Hijau** - Slot temujanji waktu tersebut masih "available"
-  - Untuk Admin MDT sahaja



2. Pelanggan tidak perlu login. Tindakan yang perlu dilaksanakan bagi tempahan temujanji hadir berurusan ke MDT:

- **Langkah 1** - Pilih Urusan Janji Temu anda
- **Langkah 2** – Pilih tarikh yang "available" mengikut bulan
- **Langkah 3** - Pilih slot masa temujanji yang "available"

### Makluman:

Sila pilih tarikh dan slot waktu yang masih kosong. Slot yang telah penuh tidak boleh dipilih.

- **Langkah 4** - Pilih jenis urusan temujanji, masukkan no. kad pengenalan, nama penuh, no. telefon bimbit, emel (jika ada) dan catatan bagi urusan (jika ada). Tekan butang "Daftar" selepas memasukkan semua butiran dengan lengkap.
- **Langkah 5** - Sekiranya proses tempahan temujanji berjaya, pelanggan akan menerima emel (jika dimasukkan pada langkah 4) yang mengandungi maklumat berkaitan temujanji

# MANUAL PENGGUNA

## PENERANGAN BAGI LANGKAH 1 , 2, 3 DAN 4

1. Apabila butang hijau ditekan untuk memilih waktu hadir berurusan, paparan di bawah akan kelihatan. Baca dan fahamkan "**Terma dan Peringatan**" yang dinyatakan.

Terma dan Peringatan

- Hanya pelanggan yang membuat janjitemu sahaja dibenarkan berurusan di MDT.
- Tempahan melalui sistem ini adalah berdasarkan yang cepat didahulukan (first come first serve). Slot janjitemu yang disediakan adalah terhad bagi memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang disarankan oleh kerajaan dapat dipatuhi. Sila buat pilihan tarikh dan slot masa yang masih kosong.
- Notifikasi butiran janjitemu akan diemel kepada pemohon. Sila tunjukkan Slip Tempahan janjitemu semasa hadir berurusan dengan MDT pada tarikh dan masa janjitemu.
- Pelanggan yang didapati sengaja menyalahgunakan sistem akan disekat.
- Pelanggan hendaklah hadir ke MDT sekurang-kurangnya 15 minit sebelum tarikh dan masa janjitemu. MDT berhak untuk membatalkan janjitemu sekiranya pelanggan lewat hadir.
- Pelanggan yang mempunyai simptom seperti demam, batuk dan selsema tidak dibenarkan hadir berurusan dan perlu membuat tempahan janjitemu semula.
- Penukaran atau pembatalan janjitemu hendaklah dibuat seawal 2 hari sebelum tarikh janjitemu.
- Sila pastikan dokumen tuan/puan telah lengkap semasa mengemukakan permohonan bagi mengelakkan sebarang kesulitan ketika berurusan.

Terima

Kembali Daftar

2. Tekan butang "**Terima**" untuk ke paparan seterusnya. Pada paparan "**Tetapan Temujanji**", pilih jenis urusan temujanji, masukkan no. kad pengenalan, nama penuh, no. telefon bimbit, emel (jika ada) dan catatan bagi urusan(jika ada). Tekan butang "**Daftar**" selepas memasukkan semua butiran dengan lengkap untuk membuat tempahan temujanji.

TETAPAN JANJITEMU  
MAJLIS DAERAH TUMPAT

Janjitemu \*  
Kaunter Jabatan Perbandarajaan - Hasil

Tarikh & Masa \*  
13-10-2021 (09:00 AM)

Nama \*  
[Empty text field]

No Telefon \*  
[Empty text field]

Sila masukkan No Telefon anda tanpa jarak atau dash(-). Contoh: 0123456789

TIDAK PERNAH berjumpa dengan sesiapa yang disahkan dan disyaki ada COVID-19, an/disahkan COVID-19, pergi ke luar negara, diuji untuk COVID-19, dan TIADA gejala tau hidung berair, kurang atau hilang deria bau. Saya juga mengaku telah menerima dos

Kembali Daftar

# MANUAL PENGGUNA

3. Sekiranya proses tempahan temujanji berjaya, pelanggan akan menerima emel (jika maklumat emel dimasukkan dalam butiran Tetap Temujanji) seperti paparan di bawah.

## Slip Tempahan Janjitemu

Nama Pemohon : FARAH DIEANA BINTI MADZLI  
No. Kad Pengenalan : 960503086060  
No Telefon : 074339846  
Email : [farahmadzli@gmail.com](mailto:farahmadzli@gmail.com)  
Kaunter Janjitemu : BAHAGIAN PERANCANGAN BANDAR  
Jenis Urusan : SERAHAN DOKUMEN SECARA HARDCOPY  
Tarikh : 13/10/2021 (RABU)  
Masa : 09:00 AM - 09:30 AM

### Peringatan:

1. Sila kemukakan slip janjitemu ini semasa berurusan dengan MDT.
2. Pemohon wajib mematuhi SOP yang ditetapkan oleh MKN dan KKM yang berkuatkuasa termasuk berkaitan kebenaran merentas daerah atau negeri yang mana berkaitan.
3. Sila hadir 15 minit lebih awal dari masa tempahan.
4. KEGAGALAN HADIR pada tarikh dan masa yang ditetapkan, menyebabkan janjitemu ini TERBATAL dan anda perlu menempah sesi janjitemu yang baharu.
5. Hanya SEORANG sahaja dibenarkan berurusan sewaktu janjitemu.
6. Pelanggan yang hadir pada tarikh dan masa janjitemu dikehendaki mendaftar masuk (check-in) dengan mengimbas kod QR MySejahtera yang disediakan, menjalani saringan suhu badan, memakai pelitup muka, menggunakan hand sanitizer dan mengamalkan penjarakan fizikal sepanjang berurusan di MDT.

## Contoh Emel

4. Sila cetak emel yang diterima atau tunjukkan emel maklumat temujanji kepada kakitangan bertugas di MDT semasa hadir berurusan di MDT.
5. Pelanggan juga boleh membuat semakan pendaftaran tempahan temujanji pada ruangan seperti di paparan di bawah dengan memasukkan no kad pengenalan yang didaftarkan ketika tempahan dibuat.

The screenshot displays the user interface for booking a meeting slot. On the left, a calendar for October 2021 is shown with the 12th highlighted in blue. On the right, the booking details for 'Unit Pusat Setempat - OSC' on '13 Oct 2021' are visible. A grid of time slots is provided, with 09:00 AM to 10:40 AM slots highlighted in green. A purple button labeled 'Semakan Pendaftaran' is circled in the top right corner of the booking area.

## MANUAL PENGGUNA

---

6. Hanya nama yang didaftarkan sahaja boleh berurusan di MDT.



SENARAI JANJITEMU  
MAJLIS DAERAH TUMPAT

No Kad Pengenalan

[Carian](#) [Kembali](#)

Senarai

#	Urusan	Tindakan
1	Bahagian Perancangan Bandar Tarikh: 13-10-2021 Masa: 09:00 AM - 09:30 AM	<a href="#">Cetak Slip</a> <a href="#">Batal</a>

**Nota\*** Sila semak emel anda untuk slip temujanji